



SMK ST. MICHAEL, IPOH
PANDUAN AM PELAJAR & IBU BAPA
PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH
PADA 8.11.2021



1. Semua pelajar Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 akan hadir ke sekolah.
2. Suhu dan rekod kehadiran akan diambil di Palour menggunakan 'Thermal Scanner'. Suhu badan yang melebihi 37.5⁰C tidak dibenarkan masuk ke sekolah.
3. Guru yang bertugas akan:
 - mengawal pergerakan murid di pintu masuk utama sekolah dan pintu kecil semasa para pelajar tiba di sekolah dan sewaktu tamat sesi persekolahan.
 - memastikan semua murid sentiasa mematuhi penjarakan fizikal antara satu sama lain pada setiap masa.

TANGGUNGJAWAB PELAJAR

1. Perlulah sentiasa mematuhi penjarakan fizikal antara satu sama lain pada setiap masa.
2. Perlulah sentiasa mematuhi dan menggunakan laluan pergerakan yang disediakan.
3. Perlulah memakai pelitup muka setiap masa kecuali semasa waktu makan.
4. Penting memberikan nombor telefon ibubapa/penjaga yang betul kepada guru kelas supaya mudah dihubungi jika berlaku kes-kes kecemasan.
5. Segera memaklumkan kepada Guru Bertugas/Guru Subjek jika diri sendiri atau rakan-rakan yang lain menghadapi simptom-simptom seperti demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas secara tiba-tiba ketika berada di dalam kelas.
6. Perlulah sentiasa mengutamakan kebersihan diri dengan menggunakan 'hand sanitizer' jika menyentuh tombol pintu, suis lampu, singki, kepala paip, pengepam tandas, pelapik duduk tandas, meja dan kerusi masing-masing.
7. Ketua dan Penolong kelas akan mengambil tempahan makanan daripada rakan sekelasnya dan para pelajar akan diberikan senarai makanan yang dijual beserta dengan harga makanan sebelum bermula PdP setiap hari.
8. Semua pelajar akan makan di dalam kelas masing-masing dengan seliaan guru pada waktu rehat.
9. Perlu membuang sisa makanan ke dalam tong sampah yang disediakan. Tong sampah akan diletakkan di koridor untuk dibersihkan oleh pekerja pembersihan setiap hari.
10. Semua pelajar dinasihatkan supaya mengurangkan pergerakan sendiri dan sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan.
11. Pelajar yang keluar kelas perlu mendapatkan kebenaran daripada guru subjek dengan memakai Pas Keluar Kelas dan mengamalkan 3W serta mengelakkan 3C.

TANGGUNGJAWAB IBU BAPA

1. Memberi kesedaran kepada anak/anak jagaan berkaitan penjarakan fizikal sebelum, semasa dan selepas menaiki Kenderaan.
2. Menasihati anak/anak jagaan supaya tidak berjabat tangan (bersalaman) atau bersentuhan antara satu sama lain sama ada guru, rakan-rakan atau orang sekeliling.
3. Menasihati anak/anak jagaan supaya sentiasa mengamalkan kebersihan sebelum dan selepas makan.
4. Ibu bapa/penjaga sendiri digalakkan menghantar dan mengambil anak/anak jagaan.
5. Memastikan anak/anak jagaan mengambil sarapan yang sesuai sebelum hadir ke sekolah.
6. Menasihati anak/anak jagaan agar tidak berkongsi makanan dan minuman dengan murid lain.
7. Menjaga kebersihan dan keselamatan anak/anak jagaan sebelum dan selepas pulang dari sekolah dengan kerap membasuh tangan dan mandi.